

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PEPERIKSAAN AKHIR TEORI
SESI II : 2024 / 2025**

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

**SPP 30263
MAKROEKONOMI**

Dua (2) jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di kedua-dua bahagian.
3. Bahagian A mengandungi **Dua Puluh (20)** soalan aneka pilihan dengan empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** pilihan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Bahagian B mengandungi **Tiga (3)** soalan subjektif. Tuliskan jawapan anda dalam buku jawapan yang disediakan.
5. Kertas soalan ini hendaklah dikembalikan semula kepada Pengawas setelah tamat peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi **SEMBILAN (9)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

BAHAGIAN A*[40 markah]*Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

1. Apakah konsep asas dalam makroekonomi? CLO1
T1
 - A Penawaran barang individu.
 - B Tingkah laku pengguna individu.
 - C Permintaan dalam pasaran tertentu.
 - D Analisis ekonomi secara keseluruhan.

2. Antara berikut, manakah merupakan kesan inflasi kepada ekonomi? CLO1
T1
 - A Penurunan kuasa beli.
 - B Peningkatan kadar eksport.
 - C Pengurangan harga barang.
 - D Peningkatan dalam nilai wang.

3. Berikan definisi penawaran agregat? CLO1
T2
 - A Jumlah perbelanjaan oleh semua unit-unit ekonomi.
 - B Jumlah perbelanjaan bagi barang dan perkhidmatan.
 - C Jumlah keluaran negara benar yang diminta oleh semua sektor ekonomi pada pelbagai tingkat harga umum.
 - D Jumlah output yang dihasilkan oleh negara pada tingkat harga, keupayaan pengeluaran dan kos yang dimiliki.

4. Kenalpasti yang mana satukah merupakan komponen permintaan agregat? CLO1
T2
 - A Perbelanjaan kerajaan.
 - B Perbelanjaan pertanian.
 - C Perbelanjaan perumahan.
 - D Perbelanjaan pembangunan.

5. Apakah maksud Keluaran Negara Bersih? CLO1
T3
- A Jumlah nilai barangan dan perkhidmatan terakhir yang dikeluarkan dalam sesebuah negara.
 - B Jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dihasilkan dalam satu tahun penduduk sebuah negara.
 - C Jumlah nilai barangan akhir dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh penduduk di seluruh dunia.
 - D Jumlah nilai barangan akhir dan perkhidmatan yang dikeluarkan tidak termasuk susutnilai barang modal.
6. Pendapatan nominal adalah _____ CLO1
T3
- A pendapatan negara mengikut harga tetap.
 - B pendapatan negara mengikut harga semasa.
 - C pendapatan negara setelah ditolak cukai pendapatan.
 - D pendapatan purata penduduk dalam sesebuah negara.
7. Pendapatan per kapita adalah _____ CLO1
T3
- A pendapatan negara mengikut harga tetap.
 - B pendapatan negara mengikut harga semasa.
 - C pendapatan negara setelah ditolak cukai pendapatan.
 - D pendapatan purata penduduk dalam sesebuah negara.
8. Mengapakah hanya barangan dan perkhidmatan akhir diambil kira dalam pengiraan pendapatan negara? CLO1
T3
- A Untuk pengiraan cukai.
 - B Untuk mengelakkan pengiraan dua kali.
 - C Untuk meningkatkan jumlah eksport negara.
 - D Untuk memudahkan kiraan pendapatan negara.

9.

Jumlah pendapatan yang diterima oleh semua individu dalam sesebuah negara setelah ditolak cukai pendapatan perseorangan.

CLO1
T3

Penyataan di atas merujuk kepada _____

- A pendapatan benar.
- B pendapatan syarikat.
- C pendapatan per kapita.
- D pendapatan boleh guna.

10. Bagaimanakah subsidi kerajaan mempengaruhi kos pengeluaran?

CLO1
T3

- A Subsidi meningkatkan harga pasaran.
- B Subsidi mengurangkan harga pasaran.
- C Subsidi tidak memberi kesan kepada harga pasaran.
- D Subsidi tidak memberi kesan kepada pendapatan negara.

11. Apakah takrifan bagi wang token?

CLO1
T4

- A Wang yang diakui sah oleh penduduk sesebuah negara.
- B Wang yang mempunyai nilai hanya kerana peraturan atau undang-undang kerajaan.
- C Wang yang mempunyai nilai intrinsik yang lebih rendah berbanding dengan nilai mukanya.
- D Medium pertukaran kriptografi untuk menjamin transaksi dan mengawal penciptaan unit tambahan mata wang.

12. Fungsi wang sebagai _____ dapat mengatasi kelemahan sistem barter yang memerlukan kehendak serentak untuk menjalankan sesuatu urusan niaga.

CLO1
T4

- A bayaran tertunda
- B alat pengukur nilai
- C alat penyimpan nilai
- D alat perantaraan pertukaran

13. Menurut Keynes, orang ramai meminta wang untuk tujuan yang berikut CLO1
KECUALI _____ T4

- A** membeli saham dan bon.
- B** menjelaskan bil rawatan hospital.
- C** membeli barang dan perkhidmatan.
- D** memperoleh faedah daripada tabungan.

14.

- Tabungan di bank-bank perdagangan meningkat
- Penciptaan kredit oleh bank-bank perdagangan meningkat
- Eksport negara itu meningkat
 CLO1
T4

Penyataan di atas merujuk kepada perubahan keluk bagi _____

- A** penurunan permintaan wang.
- B** penurunan penawaran wang.
- C** pertambahan penawaran wang.
- D** pertambahan permintaan wang.

15. Belanjawan lebih ditakrifkan sebagai _____ CLO1
T5

- A** jumlah hasil kerajaan kosong.
- B** jumlah hasil kerajaan melebihi jumlah perbelanjaan kerajaan.
- C** jumlah hasil kerajaan kurang daripada jumlah perbelanjaan kerajaan.
- D** jumlah hasil kerajaan adalah sama dengan jumlah perbelanjaan kerajaan.

16. Apakah yang dimaksudkan dengan hasil kerajaan? CLO1
T5

- A** Jumlah hutang negara.
- B** Pinjaman dari luar negara.
- C** Perbelanjaan kerajaan untuk projek pembangunan.
- D** Pendapatan yang diperoleh daripada cukai dan sumber lain.

17. Apakah tujuan utama dasar fiskal? CLO1
T5
- A Mengurangkan inflasi.
 - B Menstabilkan ekonomi.
 - C Menambahkan hutang negara.
 - D Mengawal pertumbuhan ekonomi.
18. Antara yang berikut, yang manakah merupakan langkah dasar kewangan bagi mengatasi masalah inflasi? CLO1
T5
- A Mengurangkan perbelanjaan kerajaan untuk mengurangkan defisit fiskal.
 - B Menambahkan pemberian subsidi untuk meningkatkan kuasa beli pengguna.
 - C Mengurangkan cukai untuk merangsang perbelanjaan pengguna dan pelaburan.
 - D Mengurangkan penawaran wang untuk mengurangkan perbelanjaan dalam ekonomi.
19. CLO1
T5
- Dasar kerajaan melalui Bank Negara (bank pusat) dalam mengawal bentuk **pinjaman** dan **pelaburan** bank-bank perdagangan.
- Penyataan di atas merujuk kepada _____
- A dasar fiskal.
 - B belanjawan negara.
 - C dasar kewangan kualitatif.
 - D dasar kewangan kuantitatif.
20. Mengapakah kerajaan mengamalkan dasar fiskal mengembang semasa krisis ekonomi? CLO1
T5
- A Untuk meningkatkan kadar faedah.
 - B Untuk mengurangkan masalah inflasi.
 - C Untuk mengurangkan jumlah hutang negara.
 - D Untuk mengurangkan masalah pengangguran.

BAHAGIAN B*[60 markah]*

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

Soalan 1

- a) Berikan takrifan bagi: CLO1
i. Tenaga buruh T1
ii. Pengangguran

[4 markah]

- b) Jelaskan **DUA (2)** matlamat makroekonomi. CLO1
[4 markah] T1

- c) Senaraikan **EMPAT (4)** faktor yang mempengaruhi keluk permintaan agregat. CLO1
T2

[4 markah]

- d) Jelaskan berkenaan harga input dalam mempengaruhi penawaran agregat. CLO1
T2

[4 markah]

- e) Huraikan **DUA (2)** faktor yang menyebabkan peralihan keluk penawaran agregat ke sebelah kiri. CLO1
T2

[4 markah]

Soalan 2

- a) Berikan definisi bagi item berikut: CLO1
T3
- i. Keluaran dalam Negara Kasar (KDNK)
 - ii. Harga pasar
 - iii. Faktor Kos
- [6 markah]*
- b) Huraikan **TIGA (3)** kesukaran dalam membandingkan pendapatan negara. CLO1
T3
- [6 markah]*
- c) Berikan takrifan bagi komponen wang seperti berikut: CLO1
T4
- i. M1
 - ii. M2
- [4 markah]*
- d) Huraikan **DUA (2)** tujuan permintaan wang (teori keynes). CLO1
T4
- [4 markah]*

Soalan 3

- a) “Belanjawan negara merupakan anggaran kewangan sektor awam yang menunjukkan anggaran hasil kerajaan” CLO1
T5

Terangkan **DUA (2)** jenis belanjawan kerajaan.

[4 markah]

- b) Bincangkan **DUA (2)** sumber hutang negara. CLO1
T5

[4 markah]

- c) Huraikan **DUA (2)** jenis dasar fiskal. CLO1
T5

[4 markah]

- d) Jelaskan **DUA (2)** alat dasar kewangan kuantitatif. CLO1
T5

[4 markah]

- e) Terangkan **DUA (2)** alat dasar kewangan kualitatif. CLO1
T5

[4 markah]

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab